

juudi yang terkandung dalam lebih 200 jurnal berkuatiti dalam 32 bidang antaranya pengurusan, pemasaran, perniagaan, ekonomi, sains sosial, bahasa dan linguistik, pengangkutan serta pembangunan sumber manusia.

"Sebanyak 12 judul jurnal berkuatiti telah ditambah pada 2011 antaranya *Arts Marketing, Built Environment Project and Asset Management, Journal of Accounting in Emerging Economics, Journal of Family Business Management* dan *Sport, Business and Management*," katanya.

Menurutnya, UUM mula melanggan pangkalan data maklumat Emerald, sejak 10 tahun lalu (2001) memandangkan ia adalah pangkalan data maklumat yang sangat sesuai dengan bidang pengajaran dan pembelajaran universiti.

Sementara itu, Dr Wan Ahmad Nordin berkata, anugerah penulisan journal terbaik ini diharap dapat menjadi perangsang kepada pensyarah lain untuk menghasilkan penulisan yang sama pada masa akan datang.

"Malahan saya sedia membantu berkongsi ilmu yang ada untuk membolehkan rakan-rakan lain menghasilkan journal yang terbaik," katanya.

Rakannya, Dr Nurwati Ashikin juga berkata, untuk menghasilkan jurnal yang berkuatiti mesti bermula dengan penyelidikan yang bagus.

"Penyelidikan mesti dibuat secara mendalam dan teliti supaya penulisan journal boleh dilakukan dengan lancar dan lengkap.

"Kami berdua bernasib baik kerana journal ini yang dihantar terus diterbitkan tanpa dibuat pembetulan mungkin kerana ia berpunca daripada hasil penyelidikan yang yang mendalam sebelum kami menulis jurnal," katanya.

=====

DARIPADA:

SEKSYEN MEDIA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078

FAKS: 04-928 3016

UUM ...